

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

TM. 89/2026

13 MAC 2026

MALAYSIA SUPER SALE 2026 KEMBALI DENGAN TAWARAN DISKAUN SEHINGGA 85%

PUTRAJAYA — Malaysia Super Sale 2026 kembali berlangsung dari 1 hingga 31 Mac 2026 dengan tawaran diskaun sehingga 85 peratus sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Program ini bertujuan merancakkan aktiviti peruncitan dan sektor pelancongan negara, di samping menggalakkan lebih ramai pelawat domestik dan antarabangsa menikmati pengalaman membeli-belah di Malaysia. Kempen ini turut menerima penyertaan sebanyak 135 pemain industri, merangkumi 24 pusat beli-belah, 12 peruncit, 80 hotel, sebuah syarikat penerbangan, satu pusat kesejahteraan (wellness), lima taman tema serta empat agensi pelancongan. Secara keseluruhan, sebanyak 200 program dan pakej promosi ditawarkan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Dengan sokongan penuh daripada Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM), Persatuan Peniaga Runcit Malaysia (MRA), Persatuan Rantaian Peruncitan Malaysia (MRCA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Taman Tema & Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA) dan Malaysia Aviation Group (MAG), inisiatif ini turut memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan beli-belah utama melalui pengalaman percutian dan membeli-belah yang menarik kepada para pelawat.

Edisi kali ini berlangsung bersempena musim perayaan di Malaysia, sekali gus memberikan peluang kepada pengunjung di pusat beli-belah dan gedung runcit terpilih untuk menikmati pelbagai promosi, ganjaran menarik serta hiasan dekorasi yang memeriahkan suasana sepanjang tempoh kempen. Program ini dianjurkan bagi menambah kemeriahan sambutan perayaan sambil menggalakkan orang ramai mengunjungi pusat beli-belah serta menyokong aktiviti peruncitan tempatan.

Selain pusat beli-belah dan gedung runcit, kempen Malaysia Super Sale turut merangkumi sektor pelancongan dan perkhidmatan lain seperti penginapan, pusat kesihatan, taman tema serta pusat hiburan keluarga. Sempena musim perayaan ini, pelbagai penginapan menawarkan lebih daripada 50 promosi menarik termasuk pakej Ramadan seperti iftar dan moreh, serta kadar bilik bermula serendah RM85++.

Beberapa pusat beli-belah turut menawarkan pelbagai hadiah istimewa untuk dimenangi, termasuk sebuah kereta Perodua Traz 1.5 2T (D-CVT), kereta SUV Elektrik Neta (EV), akaun emas bernilai RM15,000, cabutan bertuah, sampul raya serta pelbagai hadiah eksklusif yang disediakan oleh rakan kerjasama yang mengambil bahagian. Untuk

menyertai promosi ini, pengunjung hanya perlu membuat pembelian minimum serendah RM150 di premis yang terlibat bagi melayakkan diri menyertai cabutan bertuah dan menebus ganjaran menarik.

Sempena musim perayaan ini, Malaysia Super Sale turut dimeriahkan dengan lapan Midnight Sale di pusat beli-belah terpilih, termasuk Johor Premium Outlets (13–15 Mac 2026), East Coast Mall (13–18 Mac 2026), manakala AEON Mall Shah Alam, AEON Mall Kota Bharu, AEON Mall Nilai, AEON Mall Seri Manjung, AEON Mall Tebrau City dan AEON Mall Kuching Central akan mengadakan Midnight Sale secara serentak pada 14 Mac 2026.

Para pelawat juga berpeluang menikmati diskaun sehingga RM100 bagi pembelian pakej taman tema dan pusat hiburan keluarga yang terpilih. Bagi pengunjung yang merancang perjalanan udara, tiket penerbangan Malaysia Airlines dari beberapa destinasi antarabangsa termasuk Australia, New Zealand, Great Britain, Hong Kong, India, Jepun, Korea, Taiwan, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Perancis ke Malaysia boleh ditempah dengan diskaun sehingga 30 peratus melalui platform tempahan dalam talian seperti Trip.com, Expedia, Agoda dan Traveloka.

Kempen Malaysia Super Sale 2026 bukan sahaja memeriahkan sambutan musim perayaan, malah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi beli-belah dan percutian utama di rantau ini. Dengan pelbagai tawaran, ganjaran serta aktiviti promosi yang dirangka bersama rakan industri, kempen ini dijangka menarik lebih ramai pengunjung, merancakkan sektor peruncitan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sempena Kempen Visit Malaysia 2026.

Untuk senarai penuh tawaran dan aktiviti, layari laman web Tourism Malaysia di: www.malaysia.travel/explore/national-sales-campaign

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:



Masrina Mohd Bakri
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Pakej
masrina@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8544

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

